

20 JUL 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA BELGIUM

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengucapkan tahniah kepada kepada Raja Albert II dan Ratu Paola sempena sambutan Hari Kebangsaan Belgium hari ini.

Dalam perutusan baginda, Tuanku Ja'afar berharap pasangan diraja itu sentiasa sihat dan rakyat Belgium pula terus mengecapi keamanan dan kemakmuran, menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Jean-Luc Dehaena berkata, beliau gembira kerana hubungan Malaysia dan Belgium terus kukuh atas semangat setiakawan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Erik Deryeke berkata, Malaysia dan Belgium boleh berpuas hati dengan hubungan baik yang terus menunjukkan tanda yang positif.

-- BERNAMA

ES RHM